

DATE: 21 / 04 / 2008

Ex-gratia bekas hakim muslihat politik: Dr M

BH-21/4/2008

Daripada Zaharah Othman

MANCHESTER: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tidak ada sebab mengapa kerajaan perlu membayar *ex-gratia* kepada enam bekas hakim kanan yang dipecat dalam krisis kehakiman pada 1988.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa kerajaan membuat keputusan berkenaan semata-mata untuk kepentingan politik bagi mendapatkan semula populariti daripada rakyat.

"Semua ini adalah muslihat politik dan tak ikhlas langsung," katanya selepas menyampaikan syarahan bertema 'Sejenak Bersama Tun Dr Mahathir: Jasamu Dikenang' anju-

INFO

6 bekas hakim dapat *ex-gratia*

- Tun Salleh Abas
- Tan Sri Azmi Kamarudin
- Tan Sri George Edward Seah Kim Seng
- Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh
- Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdolcader
- Allahyarham Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh

ran Kumpulan Prihatin Malaysia United Kingdom (UK).

Lebih 200 rakyat Malaysia yang bekerja dan belajar di seluruh UK termasuk dari Scotland dan Wales hadir pada majlis itu. Dr Mahathir diiringi isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Pembayaran *ex-gratia* berkenaan diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Khamis lalu, sebagai menghargai sumbangan besar bekas hakim berkenaan - Tun Salleh Abas, Tan Sri Azmi Kamarudin, Tan Sri George Edward Seah Kim Seng, Tan Sri Wan Hamzah Mohd Salleh, Allahyarham Tan Sri Eusoffe Abdolcader dan Allahyarham Tan Sri Wan Suleiman Pawanteh.

Dr Mahathir berkata, tidak ada sebab mengapa ganti rugi perlu diberi kerana pemecatan hakim itu dibuat selaras dengan undang-undang.

"Kalau mereka boleh tunjuk kepada saya mengapa penyingkiran Tun Salleh bertentangan dengan prosedur seperti yang terdapat dalam undang-undang... setakat ini mereka belum tunjuk kepada saya," katanya.

Dr Mahathir mendakwa langkah itu adalah satu lagi tindakan untuk memburuk-burukkan namanya.

Mengenai penubuhan Suruhanjaya Pelantikan Hakim, Dr Mahathir berkata: "Ini merupai pindaan perlembagaan yang memerlukan soko-

ngan dua pertiga. Dia (Abdullah) tidak boleh umumkan ini. Perdana Menteri tak ada hak untuk menukar peruntukan perlembagaan tanpa pergi ke Parlimen."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Zaid Ibrahim, sebelum ini bagaimanapun menjelaskan dalam politik masa kini, kerajaan mungkin memerlukan sokongan pembangkang untuk meluluskan rang Undang-Undang tertentu atau meminda Perlembagaan.

Dr Mahathir yang berlepas ke Cuba hari ini, sebelum ini bercakap mengenai nasib dan masa depan bangsa Melayu serta negara dalam konteks keputusan pilihan raya umum baru-baru ini.